

Oleh Tutu Haryanti  
Ahmad Rodzi  
am@hmetro.com.my

# Sewa tapak hanya **RM300**

*DBKL putus kendali sendiri Bazar Ramadan 2025*

**Kuala Lumpur**

**S**ewa petak bazar Ramadan di bawah kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya RM300 sebelum pihak tertentu mengenakan harga hingga ribuan ringgit bagi petak berkenaan.

Perkara itu didedahkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa yang kemudiannya memaklumkan, kerana itu, DBKL membuat keputusan mengendalikan sendiri Bazar Ramadan 2025.

Pada masa sama, menurut Zaliha, ada juga dalam kalangan peniaga yang mengalibabakan petak bazar kepada peniaga lain pada harga melampau menyebabkan peniaga berkaitan terkesan.

“Kami menerima banyak aduan berkaitan pihak ketiga mengenai harga mencecah ribuan ringgit untuk petak bazar Ramadan menyebabkan peniaga kecil terhimpit dan terpaksa menanggung beban kos yang tinggi.

“Tahun ini, DBKL hanya kenakan sewaan petak RM500 sahaja termasuk cagaran. Jika peniaga mematuhi semua syarat dan peraturan, cagaran RM200 akan dipulangkan. Mak-



sudnya kos bersih (sewaan) hanya RM300,” katanya dalam hantaran di Facebook miliknya.

“Saya jumpa beberapa peniaga, borak dengan mereka. Ada yang kongsi rasa syukur, bahkan ada yang memberitahu bahawa mereka dah balik modal pun. Alhamdulillah!

“Antara kewajipan mereka sebelum diberikan lesen bazar ini, mereka diwajibkan mendapat suntikan typhoid bagi mengelakkan risiko penyebaran bakteria kepada pembeli,”



*Tahun ini, DBKL hanya kenakan sewaan petak RM500 sahaja termasuk cagaran. Jika peniaga patuhi syarat dan peraturan, cagaran RM200 akan dipulangkan”*

**Dr Zaliha**

katanya lagi.

Terdahulu, selepas mesyuarat di Parlimen, Dr Zaliha mengambil kesempatan untuk singgah di Bazar Ramadan Wangsa Maju yang terkenal sebagai bazar terpanjang di Kuala Lumpur.

Pada masa sama, beliau turut meninjau bagaimana pengurusan bazar dijalankan berikutan tahun ini, pengurusan diurus sepenuhnya oleh DBKL tanpa melalui pihak ketiga.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata, berdasarkan

hasil risikan yang dilaksanakan, sebelum ini ada peniaga yang menyewa lebih daripada satu petak bazar kendalian pihak ketiga.

Katanya, kemudian, peniaga terbabit mengalibabkan petak itu pada harga lebih tinggi kepada peniaga lain.

“Jadi, untuk tahun ini, DBKL berikan lesen bazar terus kepada peniaga dan satu nama hanya boleh memohon satu petak sahaja.

“Pada masa sama, penama lesen berkenaan perlu berada di petak mereka pada setiap masa kerana jika DBKL buat pemantauan dan mendapati penama lesen tiada di tapak, kita akan ambil tindakan,” katanya.

Di samping itu, menurut Dr Zaliha, pada tinjauan yang dijalankan, beliau sempat bertanya pandangan pengunjung dan rata-rata memuji pengurusan bazar tahun ini dan mengatakan ia lebih kemas selain harga jualan berpatutan.